



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

جَبَاتُ خِوَالِ الْاِئِمَّةِ الْاِسْلَامِيَّةِ سَبَاڤْ

## KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

09 JAMADILAKHIR 1445H/ 22 DISEMBER 2023M

**BERHUTANG MUDAH, MEMBAYAR PAYAH**

Disediakan oleh

Bahagian Penyelidikan & Sebaran Am, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Dengan Kerjasama

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)

### Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.

### KHUTBAH TELAH DISEMAK

TARIKH DISEMAK : ..... 20/12/2023 .....

PEGAWAI PENYEMAK : .....  .....

**A.B. RAZAK BIN HAMDIN**

Ketua Penolong Pengarah

Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang Syariah

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah



Mohon semak QR code ini jika ada sebarang cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

### KHUTBAH RASMI JHEAINS

DILULUSKAN PADA : ..... 21/12/2023 .....

DIBACA PADA : ..... 22/12/2023 .....

DILULUSKAN OLEH : .....

**ADAM BIN ABDUL HALI**

KETUA PENOLONG-PENGARAH

Bahagian Penyelidikan Dan Informasi

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

**xKHUTBAH PERTAMA**  
**BERHUTANG MUDAH, MEMBAYAR PAYAH**

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ :

لِيُنْفِقَ ذُو سَعَةٍ مِّن سَعَتِهِ ۗ وَمَن قُدِرَ عَلَيْهِ رِزْقُهُ فَلْيُنْفِقْ مِمَّا آتَاهُ اللَّهُ لَا يُكَلِّفُ

اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا مَاءً آتَاهَا سَيِّجَعُلُ اللَّهُ بَعْدَ عُسْرٍ يُسْرًا ﴿٧﴾ (سورة الطلاق (65): 7)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ

صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ

وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، وَتَزَوَّدُوا فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَى، فَقَدْ فَازَ

الْمُتَّقُونَ.

**SIDANG JEMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT!**

Pada kesempatan hari ini, khatib ingin mengajak hadirin sekalian khususnya diri khatib sendiri agar marilah kita hiasi hidup ini dengan sifat takwa yang sebenar-benarnya dengan mengerjakan segala perkara yang diperintahkan serta menghindari segala perkara yang dilarang oleh Allah SWT.

Mengambil kira senario masa kini di mana kebanyakan daripada kita masih bergelut dalam meneruskan kelangsungan hidup akibat ketidaksabilan ekonomi, bencana dan penyakit, maka mimbar Jumaat hari ini akan mengutarakan khutbah yang bertajuk: **“BERHUTANG MUDAH, MEMBAYAR PAYAH”**.

### **KAUM MUSLIMIN YANG DIMULIAKAN!**

Sepertimana yang kita sedia maklumi, pada hari ini terdapat banyak jenis pinjaman yang ditawarkan oleh pelbagai pihak termasuk institusi kewangan dan perbankan, koperasi-koperasi kerjasama, mahupun agensi-agensi Kerajaan seperti PTPTN dan lain-lain lagi. Sesiapa sahaja yang memenuhi syaratnya, boleh menikmati skim pinjaman berkenaan dengan mudah dan cepat. Melalui skim pinjaman yang disediakan, ramai yang telah berhasil memiliki rumah, kenderaan, peralatan elektronik, perabot, melanjutkan pengajian dan sebagainya.

Salah satu sebab pewujudan skim pinjaman tersebut adalah ketidakmampuan sebahagian besar rakyat membayar secara tunai bagi memiliki rumah, kereta, hatta melanjutkan Pelajaran. Skim-skim pinjaman yang ditawarkan ini merupakan satu skim yang dialu-alukan dan memudahkan kita memiliki keperluan asas atau menggapai impian dalam bentuk pinjaman. Namun tanpa disedari, kita sebenarnya telah menjebakkan diri dalam kancah berhutang.

### **PARA JEMAAH YANG BERBAHAGIA!**

Islam tidak melarang kita berhutang. Namun, semua transaksi hutang hendaklah dilakukan melalui akad yang sah di antara pihak pemberi hutang (pemiutang) dengan pihak yang berhutang (penghutang). Akad yang sah

merujuk kepada surat perjanjian di antara pemiutang dan penghutang. Surat perjanjian berkenaan antara lain mengandungi butiran seperti jumlah wang atau harta yang dipinjam selain tempoh atau jangkamasa pembayaran semula pinjaman atau hutang.

Peraturan atau perjanjian seumpamanya digariskan oleh Allah SWT melalui firman-Nya di dalam surah al-Baqarah ayat 282:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا تَدَايَنْتُمْ بِدَيْنٍ إِلَىٰ أَجَلٍ مُّسَمًّى فَاكْتُبُوهُ وَلْيَكْتُب بَيْنَكُمْ  
كَاتِبٌ بِالْعَدْلِ وَلَا يَأْبَ كَاتِبٌ أَنْ يَكْتُبَ كَمَا عَلَّمَهُ اللَّهُ فَلْيَكْتُبْ وَلْيُمْلِلِ الَّذِي  
عَلَيْهِ الْحَقُّ وَلْيَتَّقِ اللَّهَ رَبَّهُ وَلَا يَبْخَسْ مِنْهُ شَيْئًا...

**Maksudnya:** *“Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu menjalankan sesuatu urusan dengan hutang piutang yang diberi tempoh hingga ke suatu masa yang tertentu, maka kamu hendaklah menulis (hutang dan masa bayarannya) itu. Dan hendaklah seorang penulis di antara kamu menulis dengan adil (benar). Dan janganlah seseorang penulis enggan menulis sebagaimana Allah telah mengajarkannya. Oleh itu, hendaklah ia menulis dan hendaklah orang yang berhutang itu merencanakan (isi surat hutang itu dengan jelas). Dan hendaklah ia bertakwa kepada Allah Tuhannya, dan janganlah ia mengurangkan sesuatupun dari hutang itu...”*  
**(QS al-Baqarah (2): 282)**

Berdasarkan kepada mafhum ayat ini, adalah jelas bahawa Allah menganjurkan supaya setiap pinjaman atau hutang yang bertanggung yang

dibayar secara ansuran atau bertanggung hendaklah ditulis dan direkodkan. Dalam erti kata yang lain, perlu ada perjanjian bagi setiap urusan atau transaksi hutang piutang. Hikmahnya ialah untuk memastikan orang yang berhutang itu melaksanakan kewajipannya membayar semula hutang-hutangnya tepat pada masanya.

### **SAUDARA MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH!**

Hutang adalah perkara yang sangat diberi perhatian di dalam agama Islam. Walau sekecil mana sekalipun jumlah wang yang menjadi hutang seseorang, ianya tetap memberi kesan kepada kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat jika ia tidak dilunaskan. Hakikatnya membayar semula hutang adalah sesuatu hal yang amat mencabar terutama sekali bagi mereka yang cukup-cukup makan atau mereka yang liat membayar hutang. Setiap kali sampai tempoh membayar hutang, hati akan berdetak sama ada hendak membayarnya serta-merta ataupun menanggungkannya ke suatu masa yang lain. Sesungguhnya hutang berkait rapat dengan sikap Amanah dan kebijaksanaan kita menguruskan harta dan kewangan. Sifat Amanah dilihat sebagai satu kontrak yang membuktikan ketinggian iman seseorang untuk memastikan ianya tidak diabaikan sehingga boleh mencetuskan suatu kezaliman kepada orang lain. Apapun justifikasinya, hutang tetap hutang yang wajib dibayar oleh orang yang berhutang. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud :

*“Penangguhan membayar hutang oleh orang yang berkemampuan (kaya) adalah perbuatan zalim.” (HR Bukhari - 2287)*

Dalam hadisnya yang lain pula, Rasulullah SAW mengingatkan bahawa ancaman Allah terhadap mereka yang mengabaikan tanggungjawab untuk membayar semula pinjaman atau hutangnya. Sabda Baginda SAW yang **bermaksud:**

*“Sesiapa yang mengambil harta orang lain (berhutang) dan berniat akan membayarnya, maka Allah akan menunaikan niatnya itu. Tetapi sesiapa yang mengambilnya dengan niat akan membinasakannya (tidak membayarnya), maka Allah akan membinasakannya.” (HR Bukhari - 2387)*

Oleh itu, Islam telah menetapkan bahawa setiap individu muslim, wajib melaksanakan amanah dan bersifat jujur dalam menguruskan hutang. Kebijaksanaan dalam mengatur Langkah memastikan hutang piutang yang kita miliki dapat dilunaskan akan menjamin kehidupan yang stabil dan harmoni sama ada terhadap diri sendiri, keluarga mahupun Masyarakat.

### **JEMAAH JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH SWT!**

Kesimpulannya, meskipun barangkali ada di antara kita tidak mempunyai sebarang hutang dengan mana-mana institusi kewangan mahupun agensi kerajaan, namun berkemungkinan kita masih mempunyai hutang tertunggak dengan Allah SWT. Ini merujuk kepada solat fardu yang belum diganti, puasa Ramadan yang belum diqada, pelbagai jenis zakat yang belum lagi ditunaikan dan lain-lain lagi.

Justeru, sama-samalah kita berusaha mengelakkan diri daripada bahana hutang dan lalai terhadap kewajipan kita terhadap Allah SWT. Mudah-mudahan kita terhindar daripada kebinasaan akibat kemurkaan Allah SWT sejajar firman-Nya dalam surah al-Baqarah, ayat 195:

... وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ ﴿١٩٥﴾

**Maksudnya:** "...Dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu dalam kebinasaan; dan baikilah perbuatan kamu; kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang yang berusaha memperbaiki amalannya."

**(QS al-Baqarah (2): 195)**

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## تک س خطه کدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ،  
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ  
وَرَسُولُهُ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرِ عَظِيمٍ،  
أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:  
إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتُهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا  
تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا  
إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ  
حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ ارْضَ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقُرَابَةِ أَجْمَعِينَ وَعَنِ  
التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا  
أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.  
اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصَّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَيْنَا



وَعَلَىٰ مَلِكِنَا كِبَاوَه دُولِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سِرِي فَادُوكْ بَكِينِدَا يَغْ دَفْرَتَوَانِ أَكُوغْ  
 وَفَخَامَةِ الرَّئِيسِ الْأَعْلَىٰ تَوَانِ يَغْ تَرَاوَتَامِ يَغْ دَفْرَتَوَانِ نَكْرِي سَابِه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ  
 الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُّطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَءُوفٌ الرَّحِيمُ.  
 اللَّهُمَّ اذْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا  
 بَطَّنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ  
 قَدِيرٌ.

Ya Allah, selamatkanlah saudara-saudara kami kaum Muslimin Muslimat yang tertindas di bumi barakah khususnya Palestin, kasihanilah mereka dan limpahkan gugusan Rahmat-mu ke atas mereka. Keluarkan mereka dari kesempitan dan kesulitan serta porak perandakan kepungan musuh yang menindas mereka.

Ya Aziz Ya Jabbar, terimalah yang gugur dari kalangan saudara kami sebagai golongan syuhada yang mulia di sisi-Mu, kurniakan kesembuhan yang jatuh sakit dikalangan mereka, kurniakan keafiatan pada yang cedera.

Ya Allah, sesungguhnya kami meyakini engkau sentiasa Bersama mereka, maka hindarkan mereka daripada mara bahaya musuh yang sentiasa menentang mereka, hukumlah zionis yahudi yang melampaui batas yang melakukan kezaliman terhadap saudara kami tanpa kasihan belas. Musnahkanlah segala kekuatan yang mereka miliki, kerana mereka memang tidak berupaya melawan dan melemahkan kekuatan dan kekuasaan-Mu.

Ya Qawiyy wa Ya Qahhar, Engkau cerai beraikan ikatan antara mereka, porak perandakan kesatuan mereka serta gagalkanlah segala tipu daya serta perancangan jahat mereka khususnya puak zionis yahudi dan konco-konco yang membantu mereka.

Ya Rahman wa Ya Rahim, bantulah kami Umat Nabi Muhammad, Perbaiki serta Rahmatilah Umat Nabi Muhammad, Engkau pimpinlah dan bimbinglah kami ke jalan yang lurus yakni jalan yang engkau redai.

Ya Allah! Naungilah kehidupan kami dengan kesejahteraan, keamanan, dan keselamatan serta kurniakanlah kepada kami rezeki yang halal lagi diberkati. Hiasilah diri kami dengan sifat-sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat-sifat yang terkeji.

Ya Allah, Jadikanlah kami dan daripada keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, berpuasa dalam bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redai. Sesungguhnya hanya kepadaMu jua Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.  
عِبَادَ اللَّهِ ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَائِي ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ  
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ  
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ  
يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

\*\*\*\*

Disediakan dan diedar oleh:  
Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

**NOTA:** Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi  
Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah  
Tel: 088-522127 / [jheains.penerbitan@gmail.com](mailto:jheains.penerbitan@gmail.com)